

28/12/1998

Permuafakatan pelihara perpaduan kaum

Magendran Rajagopal

PERPADUAN sejati di kalangan masyarakat pelbagai kaum, bahasa dan agama di negara ini adalah hasil permuafakatan bersama dan kestabilan politik yang mencerna kesinambungan suasana harmoni. Semangat muhibah yang jitu menjadi penjana utama pembangunan negara.

Kekuatan dalaman yang digarap melalui agenda nasional berdiri kukuh ekoran penekanan pembahagian peluang ekonomi yang seimbang dan sikap bertolak-ansur serta saling menghormati agama sesuatu kaum meskipun Islam menjadi agama rasmi negara.

Amalan itu sudah sekian lama dijadikan pegangan hidup harian masyarakat majmuk sejak sebelum merdeka lagi walaupun agama, bahasa ibunda, adat resam dan kebudayaan masing-masing berbeza.

Ketua Delegasi Malaysia di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Musa Hitam, berkata negara harus berbangga kerana dapat mengekalkan intergrasi nasional membabitkan kaum berbeza dengan begitu berkesan.

"Isu agama adalah sesuatu yang amat sensitif di dunia kini dan pucuk pimpinan perlu teliti dan prihatin dalam mengemukakan sesuatu larangan atau cadangan supaya tidak terlalu mengongkong adat istiadat agama tertentu.

"Pada masa yang sama, hak asasi manusia turut terpelihara dan keyakinan rakyat terhadap sistem perundangan negara, sama ada untuk menyelesaikan pertikaian sivil atau jenayah, masih menerima kepercayaan penuh rakyat.

"Islam sebagai agama rasmi sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, namun kebebasan mengamalkan agama lain tidak pernah dilarang atau dikenakan sebarang sekatan keterlaluan.

"Campuran pelbagai bangsa yang membentuk pucuk pimpinan negara, khususnya dalam Kabinet, jelas membuktikan kesungguhan masyarakat dalam menjamin intergrasi nasional sebagai realiti hidup sebenar rakyat," kata bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Musa yang ditemu ramah sempena ulang tahun ke-50 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, baru-baru ini, bagaimanapun, menekankan perlu ada tolak-ansur dalam pentadbiran bagi mengekalkan keamanan.

Pada masa yang sama, pelaksanaan sebarang syarat atau perundangan perlu rasional supaya tidak terlalu mengongkong atau terlalu longgar sehingga tidak disenangi rakyat atau gagal mencapai matlamatnya.

Lantaran itu, katanya, ada antara peruntukan Deklarasi terbabit yang perlu diolah supaya penerapannya sesuai dengan amalan hidup, kebudayaan dan agama penduduk negara tertentu.

Dalam konteks Malaysia pula, reputasi negara sebagai pelopor dalam mengutamakan keselamatan, kebajikan, pendidikan dan kesihatan penduduknya diakui antara terbaik di kalangan negara membangun.

Peluang ekonomi yang berlandaskan hak asasi individu serta kebebasan mengamalkan budaya masing-masing dengan larangan munasabah supaya tidak menyinggung perasaan sesiapa menjadi asas keamanan negara.

Namun beberapa pergolakan baru kebelakangan ini, baik dari segi politik atau ekonomi, menjadi dugaan getir yang memaksa rakyat menilai semula erti perpaduan dan kesetiaan serta kepentingannya demi menjamin keutuhan negara.

Dalam suasana seumpama ini, prinsip Rukunegara yang menggariskan ciri-ciri rakyat Malaysia sejati seperti yang termaktub di dalam perlembagaan

negara wajar dijadikan landasan meneguhkan pendirian.

Kepercayaan kepada Tuhan; kesetiaan kepada Raja dan negara; keluhuran Perlembagaan; kesopanan dan kesusilaan serta kedaulatan undang-undang menjadi ungkapan yang sudah sebatik di sanubari setiap rakyat Malaysia.

Berbekalkan keyakinan ini, rakyat harus tabah menghadapi sebarang kemungkinan berkat kepercayaan mendalam mengenai sistem pentadbiran serta komitmen pemimpin di semua peringkat terhadap masyarakat yang mengundinya.

Menurut Musa, pilihan raya masih menjadi asas menentukan tampuk pemerintahan bertanggungjawab serta telus dan seterusnya menerima kepercayaan bagi membentuk badan penggubal undang-undang negara.

Asas sistem kerajaan yang mula dirangka penjajah British ternyata gagal dalam usahanya untuk 'pecah dan perintah' (divide and rule) dengan tujuan memudahkan tugas mengawal penduduk tempatan tanpa tentangan.

Namun, semangat perpaduan yang begitu membara dijana oleh kebudayaan Timur serta pegangan agama yang menuntut masyarakat hidup harmoni membolehkan rakyat memecah belenggu penjajah dan bersatu ke arah mencapai kemerdekaan.

Sejarah menjadi pengajaran hidup terbaik dan ia perlu kerap disingkap untuk mengingatkan kembali pahit manis moyang kita mencapai kemerdekaan dan jerih-perih ibu bapa kita membangun dan memajukan negara bertuah ini.

Tahun ini, setiap warga Malaysia tercabar untuk membuktikan perasaan cinta terhadap tanah tumpah darahnya masih bersemarak dan sejauh mana pengorbanan serta kesanggupan membantu bumi yang sudah banyak berbudi.

Kesetiaan terhadap pemimpin turut menjadi tanda tanya kepada ramai rakyat berikutan beberapa insiden yang memaparkan perubahan ketara yang berlaku secara mendadak dalam tonggak pemerintahan utama negara.

Namun, kecekalan rakyat terbukti apabila semua lapisan, tidak kira bangsa atau agama, bersatu teguh sebagai bangsa Malaysia dengan berpegang kepada prinsip Wawasan 2020, ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Keunikan masyarakat tempatan pelbagai agama dan berbilang bangsa hidup harmoni sudah cukup untuk membuktikan kemampuan melakar masa depan cerah sambil menangkis ancaman anasir luar yang iri hati dengan kemampuan kita.

Dalam buku karya Dr Mahathir, bertajuk *The Way Forward*, beliau menggariskan pendekatan utama yang menggambarkan latar belakang keperluan serta pelaksanaan DEB bersesuaian dengan keperluan negara.

Pahit maung mengangkat martabat dan maruah negara di persada antarabangsa sepanjang tempoh beliau menjadi Perdana Menteri turut menjadi inti pati utama buku itu yang harus dibaca setiap warga Malaysia.

Menurut Profesor Bersekutu, Fakulti Sains Sosial, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Francis Loh Kok Wah, berbanding negara jiran lain, keamanan Malaysia yang berterusan wajar dibanggakan.

"Selain tempoh rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang mengakibatkan ketidakstabilan politik hingga 1971, sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan masih kekal teguh sehingga kini sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Pembangunan pesat ekonomi dan kekayaan negara dikecapi segenap lapisan masyarakat tidak kira bangsa atau agama, termasuk golongan daif dan secara langsung menjadi pemangkin usaha membasmi kemiskinan.

"Bagi mengetengahkan isu berkaitan agama pula Badan Perunding bagi penganut Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh di Malaysia (MCCBCHS) ditubuhkan untuk mencapai kata sepakat yang boleh diterima semua pihak," katanya.

Menurut Dr Loh, kebanyakan rakyat masih keliru mengenai hak asasi masing-masing dan pendidikan mengenainya perlu diperluaskan bagi memupuk kesedaran itu selain memastikan mereka menghormati hak individu lain.

Secara keseluruhan, tahun ini rakyat Malaysia menerima beberapa kejutan di luar dugaan sekali gus sehingga benar-benar menggugat segala impian dan

harapan membina negara yang makmur.

Namun, kecekalan menghadapinya membuatkan masyarakat bersyukur kerana segala dugaan dihadapi dengan rasional bagi mencari penyelesaian terbaik berbanding tindakan agresif yang diambil penduduk beberapa negara jiran.

Pada dasarnya, hanya permuafakatan serta dorongan satu matlamat dapat merapatkan jalinan perpaduan pelbagai kaum yang sekian lama hidup bermasyarakat.

Semoga segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dapat menghindari unsur-unsur perkauman dan mengetepikan kepentingan sempit sesuatu kaum. Kita perlu berganding bahu untuk mengorak langkah mengatasi sebarang halangan bagi menerjah tahun baru dengan wawasan untuk mengekalkan keharmonian serta perpaduan.

(END)